



**BAHAGIAN PENGURUSAN MAKLUMAT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

KENYATAAN SEBUT HARGA

1. Tawaran Sebut harga adalah diperlawa kepada syarikat / pembekal yang sah berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia di bawah Kod Bidang / Sub Kepala yang berkaitan.

BIL	NO. SEBUTHARGA	TAJUK SEBUT HARGA	PENDAFTARAN KEMENTERIAN KEWANGAN (KOD BIDANG)	TARIKH TUTUP
1.	BPM 9/2017 X0251011201170006	SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEMINDAHAN SERVER, PEMBAHARUAN LESEN DAN PENYELENGGARAAN PERKAKASAN PENILAIAN KELEMAHAN ICT (SPA) DI PUSAT DATA SEKTOR AWAM, KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA	210102, 210103, 210105 dan 210107	17/8/2017

2. Dokumen Sebut harga boleh disemak mulai **7 Ogos 2017** di laman web <http://www.eperolehan.com.my>
3. Tawaran Sebut harga ini adalah menggunakan sistem ePerolehan dan syarikat / pembekal mestilah berdaftar dengan ePerolehan dan eP *enable*.
4. Cadangan Tawaran Teknikal dan Kewangan yang lengkap hendaklah dikunci masuk (*key-in*) ke dalam sistem ePerolehan pada atau sebelum **jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup sebut harga seperti yang dipaparkan di jadual di atas. Dokumen manual/sokongan bagi Cadangan Tawaran Teknikal dan Kewangan yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan kedalam dua (2) sampul surat berasingan dan berlakri serta dicatatkan nombor cadangan pembekal dan nombor sebut harga pada penjurusan atas sebelah kiri di kedua-dua sampul surat. Kedua-dua sampul surat tersebut hendaklah dimasukkan kedalam satu sampul surat besar berlakri dan dimasukkan ke dalam peti sebutharga di **Bahagian Pengurusan Maklumat, Kementerian Kesihatan Malaysia, Aras 5, Blok E7, Parcel E, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62590 Putrajaya** pada atau sebelum jam 12.00 tengah hari pada tarikh tutup sebutharga yang dinyatakan di dalam jadual di atas.
5. Tawaran sebutharga yang dikunci masuk (*key-in*) atau diserahkan **selepas jam 12.00 tengah hari** pada tarikh tutup sebutharga **TIDAK** akan diterima atau dipertimbangkan oleh Kementerian ini.
6. Kementerian Kesihatan Malaysia tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah.
7. Pertanyaan atau penjelasan boleh berhubung dengan pegawai berikut :

Nama : Aizadora bt. Abdullah

Emel : aiza@moh.gov.my / No Tel: 03 - 8883 2474